

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 May 2015

Sambutan hebat ribuan rakyat di Pahang dan Perak

UM - 24/5/2015

# Sokong kepimpinan Najib

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**  
dan **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
pengarang@utusan.com.my

■ Kuantan 23 Mei

**K**IRA-KIRA 12,000 anak muda dari seluruh negeri ini menyatakan sokongan padu dan tidak berbelah-bahagi terhadap kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Perhimpunan Soladiriti 14 di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuantan, di sini hari ini.

Najib dalam ucapannya berkata, keikhlasan dan sokongan yang ditunjukkan rakyat memberikan beliau semangat untuk berjuang kerana tugas dan amanah sebagai Perdana Menteri belum selesai.

"Hari ini saya dapat lihat lautan anak-anak Pahang berkumpul. Ada datang dari bukit, lembah dan laut atas nama anak-anak Pahang kerana ingin menyatakan sokongan padu kepada saya selaku Perdana Menteri.

"Siapa pilih saya (sebagai Perdana Menteri)? Bukankah rakyat Malaysia dan ahli UMNO? Patutkah atas desakan seorang saya patut le-

tak jawatan? Kalau tuan-tuan kata tidak, saya tidak akan turun jawatan.

"Saya tahu orang Pahang sokong saya, malam ini saya boleh tidur lena kerana ribuan anak Pahang bersama saya, sanggup berjuang bersama saya," katanya disambut dengan laungan Hidup Najib oleh ribuan anak muda yang hadir pada program berkenaan.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berterima kasih kepada Pergerakan Pemuda UMNO negeri dan Badan Perhubungan UMNO negeri kerana menganjurkan program solidariti berkenaan.

"Hari ini kita kumpulkan 12,000 orang, kalau kita hendak kumpul 20,000 pun boleh, 40,000 orang pun boleh. Saya di Tawau, Sabah minggu lalu, 40,000 orang hadir, di Johor 15,000 orang, di Gopeng pagi tadi 25,000 orang dan hari ini di Kuantan 12,000. Saya tahu angka bukan segalanya tapi saya lihat keikhlasan rakyat terus memberikan sokongan kepada saya," ujar beliau.

Menurut Najib, tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan.

"Dulu pun banyak masalah, saya jadi panglima waktu kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Saya pertahankan dia, jadi sekarang tuan-tuan pertahankan saya, Pemuda pertahankan saya, terima kasih atas sokongan yang cukup mengagumkan ini," katanya.

Sementara itu di **GOPENG**, Perak, Najib berkata, kini bukan masa untuk mana-mana pihak meminta pemimpin meletakkan jawatan sebaliknya rakyat perlu terus memberikan sokongan kepada beliau untuk meneruskan agenda pembangunan negara.

Tegas beliau, perbalahan dan tindakan memburuk-burukan pemimpin hanya akan melemahkan parti seterusnya melenyapkan sesebuah parti seperti yang banyak berlaku di luar negara.

Sebaliknya, kata beliau, jika pemimpin diperkuatkan, usaha itu akan menguatkan parti dan apabila parti kuat pula, akan memberikan kejayaan kepada Barisan Nasional (BN) dan UMNO dalam Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

"Ini bukanlah ketika untuk kita

berbalah sesama sendiri dan bukanlah masa untuk suruh orang meletak jawatan.

"Ini masa untuk kita bersatu dan bermuafakat, inilah ramuannya. Nak meruntuhkan (UMNO) senang dan kita sudah berjaya membina satu institusi di bawah BN.

"Saya sudah pergi ke banyak negara, saya dapati banyak (parti politik) yang sudah berkubur, hilang kuasa tetapi BN hari ini dan UMNO masih gagah berkuasa dan ini mesti dipertahankan," katanya.

Beliau berucap pada majlis Lawatan Kerja ke negeri Perak di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang dihadiri 20,000 orang.

Dalam pada itu, Najib mengakui sebagai pemimpin, beliau menggalas banyak tugas dan cabaran sehinggakan semua masalah rakyat akhirnya akan ditunjukkan kepada beliau sebagai Perdana Menteri.

Begitupun, tegas Perdana Menteri, beliau sama sekali tidak akan mengelak daripada tanggungjawab sebagai pemimpin dan berjanji akan melakukan yang terbaik untuk rakyat.